

WTO diminta fleksibel

UM 29 NOV 2003

ROM 28 Nov. — Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) mahu Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengamalkan fleksibiliti dalam merangka peraturan yang seimbang kepada semua pihak supaya ia tidak hanya menguntungkan negara-negara maju.

Dalam laporan bertajuk 'Ketiadaan Jaminan Keselamatan Makanan 2003', FAO menegaskan, usaha memperluaskan ruang lingkungan pemenang dan mengura-

ngkan kesan ke atas mereka yang mengalami kerugian, memerlukan sokongan dasar di peringkat domestik dan antarabangsa.

"Ini termasuk fleksibiliti dari segi peraturan WTO, menjana peluang-peluang ekonomi yang baru dan pelaburan di kawasan pedalaman," kata agensi PBB itu dalam laporan yang dikeluarkan sempena Sidang Dua Tahun Sekali, Kali ke-32 FAO. Sidang itu bermula esok dan berakhir pada 10 Disember ini.

rangka peraturan

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan memberikan syarahan khas sempena sesi pembukaan sidang itu esok, tiba di sini pagi ini.

Laporan itu menambah, pemansuhan halangan perdagangan dijangka hanya akan memberi manfaat pada jangka panjang memandangkan pelaburan dan peluang pekerjaan akan beralih ke negara-negara yang menikmati kelebihan dari segi kedudukan semasa.

"Tetapi proses pengubahsuaian ini akan mengambil

masa dan kebanyakan negara dan isi rumah akan mengalami kerugian besar," katanya lagi.

Justeru, kata laporan tersebut, manfaat proses liberalisasi perdagangan akan dirasakan oleh negara-negara yang telah maju dan mempunyai pasaran antarabangsa yang lebih baik.

Laporan itu juga menyentuh mengenai kegagalan Pusingan Doha yang gagal mencari kesepakatan mengenai proses liberalisasi perdagangan. — *Utusan*